



19 OCT, 2022

## Pengeluar harap FAMA perluas pasaran tebaloi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Pengeluar harap FAMA perluas pasaran tebaloi

**MUKAH:** Pengeluar tebaloi tempatan mengharapkan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dapat membantu mereka memperluaskan lagi pasaran mereka.

Hasrat diluahkan kepada Ketua Pengarah FAMA Dato' Muhammad Mustapha Awang serta rombongan yang mengadakan lawatan ke daerah ini baru-baru ini.

Destinasi mereka ialah Kilang Tebaloi atau snek tempatan milik Pertubuhan Peladang Kawasan Mukah (PPK Mukah).

Menurut Pengerusi PPK Mukah, Manuchihr Smith rombongan yang amat bermakna bagi pihak mereka itu menunjukkan pihak FAMA juga memberi perhatian khusus terhadap industri tebaloi tempatan.

"Dato Pengarah ingin melihat sendiri proses pembuatan tebaloi secara 'first hand' dan dalam masa yang sama hendak mewujudkan dan memantapkan lagi jaringan perniagaan antara FAMA dan PPK MUKAH terutama sekali berkisar dengan tebaloi," katanya.

la sedemikian, ujar

menjelaskan proses membuat dan perkembangan terkini, termasuk hubungan Kilang Tebaloi PPK Mukah dengan FAMA dan MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia).

"Kilang ini dapat menghasilkan 300 kotak sehari dan sebulan dalam 500 hingga 6000 kotak dengan sekitar 70 peratus pasaran ini dibantu serta diedar oleh FAMA. Dan saya juga mewakili pihak PPK MUKAH berharap agar FAMA dapat memperluaskan lagi jualan serta edaran tebaloi ini ke semua cawangan FAMA di seluruh Malaysia dan seterusnya memasarkan produk signature Mukah ini ke pesada dunia. Terima kasih kepada Ketua Pengarah FAMA dan rombongan yang sudi bertandang ke tempat kami di sini," kata Manuchihr lagi.

Juga dalam rombongan melawat Kilang Tebaloi yang berada di Kampung Tutus Mukah berkenaan ialah pegawai dari Ibu Pejabat FAMA Kuala Lumpur, Habibah Sulaiman, Pengarah FAMA Negeri Abdul Jaafar Lian serta pegawai mereka di Mukah ini.

**MANIS....**Dato' Muhammad Mustapha Awang dan yang lain merakamkan gambar di depan Kilang Tebaloi di Kampung Tutus Mukah baru-baru ini.

Manuchihr, kerana PPK MUKAH adalah pembekal tebaloi kepada FAMA semenjak 1990 hingga sekarang.

"Kami sangat bebesar hati kerana pasaran tebaloi PPK

Mukah ini dalam sekitar 70 peratus dipasarkan oleh FAMA ke hampir semua bahagian di Sarawak termasuk Semenanjung Malaysia," ujarnya lagi.

Justeru, katanya, adalah

besar harapan mereka agar pihak FAMA meluaskan lagi pasaran ke seluruh Malaysia termasuk Sabah.

Selaku antara pelopor pembuatan tebaloi di kawasan ini, dalam taklimatnya beliau turut



19 OCT, 2022

## Pengeluar harap FAMA perluas pasaran tebaloi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MUKAH: Pengeluar tebaloi tempatan mengharapkan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dapat membantu mereka memperluaskan lagi pasaran mereka. Hasrat diluahkan kepada Ketua Pengarah FAMA Dato' Muhammad Mustapha Awang serta rombongan yang mengadakan lawatan ke daerah ini baru-baru ini. Destinasi mereka ialah Kilang Tebaloi atau snek tempatan milik Pertubuhan Peladang Kawasan Mukah (PPK Mukah).